

Pemulihan rohani ikhtiar dorong pelaku tinggalkan seks songsang

Oleh Prof Madya
Dr Muhammad Amar Mahmad
bhrencana@bh.com.my

Dalam landskap sosial Malaysia hari ini, isu seks songsang bukan lagi suatu perkara pinggir yang hanya berlegar di ruang tertutup. Kemunculan media digital, globalisasi budaya serta akses maklumat tanpa batas membawa isu ini ke tengah masyarakat, mencetuskan pelbagai reaksi dan perbincangan.

Serban terhadap sebuah premis kelab kesihatan dan spa di ibu negara baru-baru ini yang menyaksikan 201 individu ditahan atas dakwaan terbabit aktiviti seks songsang menjadi titik tumpu kepada kekusaran moral dan keruntuhan nilai dalam masyarakat.

Ada pihak menyokong tindakan menguatkuasaan sebagai satu pemerkasaan penguatkuasaan dengan tuntutan syariah, sementara sebahagian lain menggesa supaya pendekatan lebih berhemah, empati dan bersifat pemulihan digunakan.

Ketegasan antara dua pendekatan ini mengambarkan 'kekacauan' sebenar mengenai isu seks songsang. Ia bukan hanya isu hukum, tetapi isu kemanusiaan, psikologi, kesihatan, sosiol budaya dan dakwah.

Islam secara prinsipnya meletakkan hubungan seksual sesama jenis sebagai satu perilaku bercanggah dengan fitrah manusia dan bertentangan ketetapan syariah.

Al-Quran merakamkan kisah kaum Nabi Luth melakukan liwat secara terang-terangan sebagai amaran kepada seluruh umat manusia mengenai akibat meninggalkan fitrah.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 80-81 menggambarkan kecelaruan moral kaum terbit yang mendatangkan kemurkaan Allah sehingga mereka ditimpa azab dahsyat jika berdasarkan terjemahan ayat berkenaan.

"Dan Nabi Luth juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: 'Patutkah kamu melakukan perbuatan keji, tidak pernah dilakukan kamu?'. Sesungguhnya kamu mendatangkan lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu kaum melampaui batas".

Hadis Nabi SAW pula menyatakan dosa liwat adalah antara perbuatan sangat dimurkai, malah Nabi SAW menggunakan lafaz keras untuk menggambarkan keburukan amalan itu.

Namun, perlu dibezakan antara prinsip hukum dan pendekatan terhadap pelaku. Syariah tidak pernah menyeru umat Islam menghina, mengaibkan atau menghalau individu terjerumus ke dalam dosa. Sebaliknya, Islam mengajar umatnya membenci dosa, bukan membenci pelaku, serta mengajak mereka kembali kepada taubat dan perbaikan akhlak.

3,185 kes HIV baharu direkodkan
Ini selari dengan pendekatan maqasid syariah berasaskan pemeliharaan agama, akal, maruah, keturunan dan keharmonian sosial. Larangan hubungan songsang bukan semata-mata sekatan moral, tetapi langkah pencegahan terhadap kerosakan sosial, psikologi dan kesihatan yang bakal timbul jika fitrah manusia diabaikan.

Mengupas isu ini secara ilmiah memerlukan penelitian terhadap realiti semasa masyarakat Malaysia. Statistik kesihatan awam menunjukkan trend membimbangkan. Pada tahun lalu, sebanyak 3,185 kes HIV baharu direkodkan dan hampir 64 peratus daripadanya membabitkan lelaki melakukan hubungan seks sesama lelaki.

Kajian Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati peningkatan jangkitan HIV dalam kalangan pelaku berkaitan rapat dengan gaya hidup berisiko seperti hubungan seksual tanpa perlindungan, penggunaan aplikasi mencari pasangan dan aktiviti seks secara berkumpulan.

Selain aspek kesihatan fizikal, terdapat dimensi psikologi dan emosional sering terpinggir dalam perbincangan awam. Pelbagai kajian psikologi antarabangsa mendapati ramai individu mempunyai kecenderungan seks songsang sebenarnya melalui sejarah hidup penuh trauma seperti penderaan seksual zaman kanak-kanak, konflik keluarga, kekurangan perhatian ibu bapa dan pendedahan tidak sesuai pada usia muda.

Maka, isu seks songsang tidak boleh dilihat semata-mata sebagai isu maksiat, tetapi juga sebagai isu kesihatan mental dan trauma memerlukan rawatan dan bimbingan profesional.

Sementara itu, keterbatasan undang-undang turut wujud. Standard pembuktian dalam syariah sangat ketat dalam kes liwat. Ulama menjelaskan liwat hanya boleh disabitkan melalui pengakuan pelaku atau bukti empat orang saksi menyaksikan perbuatan itu berlaku secara jelas.

Isu seks songsang tidak boleh dilihat semata-mata sebagai isu maksiat, tetapi juga sebagai isu kesihatan mental dan trauma memerlukan rawatan dan bimbingan profesional

Kekang kerosakan moral

Ini satu syarat hampir mustahil dicapai tanpa pendedahan terbuka. Ini menunjukkan tujuan utama syariah bukan untuk mengintip atau membongkar perbuatan tersembunyi, tetapi mengekang kerosakan moral secara umum dan mencegah normalisasi perlakuan songsang dalam masyarakat.

Maka, penyelesaian terhadap isu seks songsang mesti bersifat menyeluruh, bersepadu dan membabitkan pelbagai pihak. Dalam perspektif maqasid syariah, usaha pemulihan adalah lebih utama daripada hukuman.

Pelaku perlu dibimbing dengan pendekatan psikospiritual, sokongan komuniti, terapis tingkah laku, sokongan masyarakat dan pendidikan agama komprehensif.

Ramai ulama menegaskan pintu taubat sentiasa terbuka selagi manusia mahu berubah dan perubahan itu harus dibantu, bukan dihalang oleh stigma dan kecaman.

Keluarga sebagai institusi awal pembinaan akhlak mesti memainkan peranan besar dalam membentuk identiti jantina dan keyakinan diri anak-anak.

Dalam perspektif kesihatan awam, pendekatan lebih inklusif, tetapi berlandaskan syariah perlu diwujudkan. Golongan berisiko perlu didorong menjalani ujian HIV secara berkala, diberikan akses kepada rawatan dan dibimbing supaya meninggalkan gaya hidup berbahaya.

Pendekatan ini tidak bertujuan menghalalkan perlakuan songsang, tetapi mengurangkan mudarat (taqlil al-mafasid) seperti ditegaskan dalam kaedah fiqh.

Akhirnya, isu seks songsang memerlukan pendekatan seimbang, bukan reaksi emosi. Kes di Chow Kit baru-baru ini adalah amaran cabaran moral moden sangat kompleks dan tidak boleh ditangani hanya melalui tindakan penguatkuasaan.

Sebagai umat Islam, kita wajib menegakkan syariah, tetapi pada masa sama mengamalkan hikmah, adab dan rahmah. Rasulullah SAW mengajar umatnya bahawa sebaik-baik manusia ialah paling bermanfaat kepada manusia lain, bukan paling cepat menghukum atau mengaibkan.



Operasi bersepadu dan serban di sebuah kelab kesihatan dan spa yang dipercayai jadi lokasi aktiviti seksual songsang di Chow Kit cetus kebimbangan awam. (Foto BERNAMA)



Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah UUM